

Takaful *myHealth* Protector

Pilihan Yang Lebih Baik Untuk Kesehatan Anda



TAKAFULmalaysia

Kami Lindungi. Kami Prihatin. Kami Berkongsi.

Kesihatan yang baik adalah satu kenikmatan dan harus dihargai. Walau bagaimanapun, kos penjagaan kesihatan yang semakin melonjak dari semasa ke semasa boleh meletakkan anda dan orang yang disayangi ke dalam kesulitan kewangan yang serius.

Memperkenalkan **Takaful myHealth Protector** - Pelan perubatan menyeluruh yang menawarkan pelbagai jenis manfaat menarik penjagaan kesihatan dalam pesakit dan pesakit luar berserta pulangan tunai sebanyak 15% apabila anda tidak membuat sebarang tuntutan pada tahun berkenaan.



5 SEBAB mengapa Takaful *myHealth* Protector adalah pilihan yang lebih baik untuk kesihatan anda?

Fakta 1 ■ Semakin ramai orang mengalami kesukaran untuk mendapatkan pelan perubatan yang diperlukan pada harga yang termampu.
■ **Takaful *myHealth* Protector** menawarkan kepada anda 8 pelan perubatan yang komprehensif dan berpatutan untuk dipilih.

Fakta 2 ■ Peningkatan usia seseorang meningkatkan kemungkinan beliau didiagnosa masalah kesihatan yang kronik. Wang simpanan persaraannya juga berkemungkinan besar akan susut disebabkan oleh perbelanjaan perubatan untuk merawat masalah kesihatan ini.
■ **Takaful *myHealth* Protector** membolehkan anda menikmati ketenangan fikiran dengan melunaskan bil perubatan tersebut tanpa perkongsian kos sehingga anda mencapai usia 85 tahun!

Fakta 3 ■ Ramai orang bimbang jika mereka terpaksa mengeluarkan wang sendiri yang banyak ketika menerima rawatan apabila mereka ditimpa sakit teruk atau tenat.
■ **Takaful *myHealth* Protector** memberikan anda akses kepada kemudahan yang memudahkan ini tanpa had seumur hidup jika perlindungan anda dalam lingkungan syarat-syarat sijil. Kini anda tidak perlu terlalu bimbang jika anda dimasukkan ke hospital.

Fakta 4 ■ Biasanya, ramai orang mengabaikan langkah membeli insurans kesihatan kerana mereka tidak mahu menanggung kos premium. Selain itu, terdapat persepsi bahawa insurans hanya bermanfaat apabila seseorang itu menghadapi masalah kesihatan yang serius dan jika mereka tidak sakit, mereka tidak akan menikmati sebarang pulangan.
■ **Takaful *myHealth* Protector** memberi anda pulangan tunai sebanyak 15% jika anda tidak membuat sebarang tuntutan pada tahun berkenaan. Pulangan tunai ini bermanfaat dalam membantu meringankan perbelanjaan anda yang lain.

Fakta 5 ■ Dalam era globalisasi, penjagaan kesihatan tidak harus terhad oleh sempadan negara, terutamanya apabila seseorang itu berhadapan dengan masalah kesihatan atau pilihan rawatan yang merumitkan. Pilihan untuk mendapatkan penjagaan kesihatan pakar dari seluruh dunia pasti merupakan satu pilihan yang sangat bernilai.
■ **Takaful *myHealth* Protector** menyediakan pilihan kepada anda untuk mendapatkan rawatan perubatan di luar negara, tertakluk kepada bayaran munasabah dan biasa diamalkan di Malaysia.



Sepintas Lalu:

Takaful *myHealth Protector* menawarkan:



Pilihan 8 pelan perubatan yang komprehensif dan berpatutan dengan tiada perkongsian kos



Kemasukan ke hospital dan penjelasan bil tanpa masalah di hospital panel



Perlindungan yang komprehensif dengan tiada had seumur hidup sehingga berumur 85 tahun



Pulangan tunai 15% jika tiada tuntutan



Perkhidmatan bantuan rujukan kecemasan 24 jam di seluruh dunia

Apakah manfaatnya?

Manfaatnya meliputi:

(A) Manfaat Dalam Pesakit dan Pembedahan Jagaan Harian																
Manfaat (RM)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8								
1 Bilik dan Penginapan Hospital Harian (Tiada had dalam bilangan hari)	150	200	250	300	350	400	450	500								
Manfaat(RM)	Pelan 1 - 8															
2 Unit Rawatan Rapi (Maksimum 60 hari bagi setiap satu keilangan)	Caj sebenar ¹															
3 Yuran Pembedahan (Termasuk pendapat tempatan pembedahan yang kedua)																
4 Yuran Pakar Bius																
5 Bilik Pembedahan																
6 Bekalan dan Perkhidmatan Hospital																
7 Lawatan Semua Pakar Dalam Hospital																
8 Yuran Ambulans																
9 Pembedahan Harian																
10 Pemindahan Organ																
11 Makanan dan Penginapan di Hospital untuk Penjaga (Tiada had dalam bilangan hari)									Caj sebenar ¹ , sehingga RM75 sehari							
12 Yuran Laporan Perubatan	Caj sebenar ¹ , sehingga RM80 mana-mana satu keilangan															
13 Elaun Tunai Harian Hospital Kerajaan Malaysia (Tiada had dalam bilangan hari)	RM100															
(B) Manfaat Pesakit Luar & Perbelanjaan Lain																
Pelan 1 - 8																
1 Manfaat Rawatan Sebelum Penghospitalkan (Dalam tempoh 60 hari sebelum penghospitalkan)	Caj sebenar ¹															
2 Manfaat Rawatan Selepas Penghospitalkan atau Rawatan Susulan Pembedahan Harian (Dalam tempoh 60 hari selepas discaj)																
3 Rawatan Kanser Pesakit Luar																
4 Rawatan Dialisis Buah Pinggang Pesakit Luar																
5 Rawatan Strok Pesakit Luar																
6 Manfaat Penjagaan Kejururawatan di Rumah (Maksimum 120 hari setiap tahun)																
7 Rawatan Kecemasan Kemalangan Pesakit Luar																
8 Rawatan Kecemasan Pergigian Akibat Kemalangan																
9 Rawatan Perubatan Alternatif Akibat Kemalangan Pesakit Luar									Caj sebenar ¹ , sehingga RM50 setiap lawatan & RM300 setiap kemalangan							
10 Protesis									Caj sebenar ¹ , sehingga RM300 setiap kemalangan							
Had (RM)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8								
Had Tahunan Keseluruhan bagi (A) & (B)	100k	125k	150k	175k	200k	225k	250k	275k								
Had Seumur Hidup Keseluruhan	Tiada Had															
(C) Manfaat Tambahan																
						Pelan 1 - 8										
Perbelanjaan Pengebumian						RM3, 000										



Yang lebih menarik, anda boleh menerima 15% pulangan tunai² dengan syarat tiada tuntutan dibuat sepanjang tempoh perlindungan.

¹ Caj sebenar adalah berasaskan kepada Caj Berpatutan dan Biasa, tertakluk kepada Had Tahunan Keseluruhan

² Tidak terjamin

Perkhidmatan Bantuan Rujukan Kecemasan³



Talian prihatin sehenti 24 jam kami menghilangkan kebimbangan anda. Berhadapan dengan masalah kesihatan dan berada jauh di perantauan tanpa sebarang bantuan segera tentunya menjadi satu pengalaman yang sukar. Kini, anda tidak perlu bimbang dan pasti akan lebih tenang apabila mengetahui bahawa **Takaful myHealth Protector** menjaga kesihatan anda.



Bantuan Perubatan Kecemasan Antarabangsa dan Domestik

Bantuan pemindahan dan penghantaran balik kecemasan dan bantuan perubatan.



Bantuan Perjalanan

Menyediakan maklumat seperti visa, keperluan suntikan, maklumat cuaca, bantuan semasa kehilangan bagasi, dll.



Bantuan Kereta

Perkhidmatan tunda kecemasan dan pembaikan kecil di tepi jalan, rujukan kepada pusat servis dan bantuan penggantian kereta.



Perkhidmatan Concierge

Bantuan dalam perkhidmatan tempahan restoran, bunga, cenderahati dan tempahan tiket.

³Susunan rujukan semata-mata; kos sebenar seharusnya ditanggung oleh peserta

JADUAL CARUMAN⁴

Caruman anda boleh dibuat secara tahunan atau setengah tahunan. Boleh dibayar sehingga 85 tahun dan dicaj menurut umur yang dicapai anda semasa pembaharuan.

(A) Lelaki

Umur yang Dicapai (Umur Akan Datang)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
	Caruman Tahunan (RM)							
1 - 5	1,005	1,210	1,400	1,605	1,835	2,085	2,360	2,665
6 - 10	795	955	1,095	1,255	1,425	1,615	1,825	2,055
11 - 35	660	785	895	1,020	1,155	1,305	1,470	1,650
36 - 40	785	935	1,075	1,225	1,390	1,575	1,775	2,000
41 - 45	960	1,150	1,325	1,520	1,730	1,960	2,215	2,500
46 - 50	1,210	1,460	1,690	1,940	2,210	2,515	2,845	3,220
51 - 55	1,345	1,625	1,880	2,160	2,465	2,800	3,175	3,585
56 - 60	1,900	2,305	2,675	3,080	3,525	4,020	4,560	5,165
61 - 65	2,945	3,595	4,185	4,835	5,545	6,335	7,200	8,170
66 - 70	4,450	5,455	6,365	7,360	8,455	9,665	11,000	12,485
*71 - 75	6,740	8,275	9,665	11,190	12,865	14,715	16,760	19,030
*76 - 85	11,225	13,785	16,120	18,670	21,475	24,565	27,985	31,790

(B) Perempuan

Umur yang Dicapai (Umur Akan Datang)	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4	Pelan 5	Pelan 6	Pelan 7	Pelan 8
	Caruman Tahunan (RM)							
1 - 5	920	1,105	1,275	1,460	1,665	1,890	2,140	2,415
6 - 10	730	875	1,000	1,140	1,295	1,465	1,655	1,865
11 - 35	620	735	840	955	1,080	1,220	1,375	1,545
36 - 40	815	975	1,120	1,275	1,450	1,640	1,855	2,090
41 - 45	995	1,200	1,380	1,580	1,800	2,045	2,315	2,615
46 - 50	1,255	1,520	1,760	2,020	2,305	2,625	2,975	3,365
51 - 55	1,395	1,690	1,955	2,245	2,565	2,920	3,310	3,745
56 - 60	1,970	2,400	2,790	3,215	3,680	4,195	4,765	5,400
61 - 65	3,060	3,740	4,365	5,045	5,790	6,615	7,530	8,545
66 - 70	4,415	5,415	6,330	7,325	8,420	9,625	10,965	12,450
*71 - 75	6,685	8,215	9,610	11,135	12,810	14,660	16,705	18,975
*76 - 85	11,125	13,690	16,020	18,575	21,375	24,465	27,885	31,690

*Bagi pembaharuan sahaja

Nota:
Cukai Perkhidmatan 6% akan dikenakan ke atas caruman yang perlu dibayar jika caruman dibayar oleh organisasi/entiti perniagaan.

Yuran Dan Caj⁴

Yuran / Caj	Keterangan
Yuran Wakalah	<ul style="list-style-type: none"> • 30% daripada caruman adalah untuk membayar komisen dan kos-kos lain yang berkaitan • Caj Pengurusan Rawatan⁵ sebanyak RM60 setahun
Tabarru'	Dikenakan bergantung kepada umur semasa, jantina dan pelan yang dipilih.

⁴Semua caruman, yuran dan caj adalah tidak terjamin dan mungkin berubah pada masa hadapan.

⁵Yuran perkhidmatan untuk pelan perubatan.

Apakah yang anda perlu tahu?

S: Siapakah yang layak memohon?

J: **Takaful myHealth Protector** ditawarkan kepada individu berumur antara 30 hari hingga 70 tahun umur akan datang.

S: Apakah yang dimaksudkan dengan pulangan tunai?

J: Jika anda tidak membuat sebarang tuntutan pada tahun sebelumnya, kami akan memberi anda ganjaran 15% pulangan tunai daripada jumlah caruman yang dibayar yang anda akan terima pada tahun berikutnya.

Contohnya, seorang lelaki berusia 30 tahun dilindungi dengan **Takaful myHealth Protector** (Pelan 4) membayar caruman tahunan sebanyak RM1, 020:

Tahun Berakhir	Caruman Tahunan (RM)	Sebarang Tuntutan Dibuat?	Kelayakan untuk Pulangan Tunai?	Jumlah Pulangan Tunai Diterima (RM)
1	1,020	Tidak	Ya	-
2	1,020	Ya	Tidak	153
3	1,020	Tidak	Ya	-
4	1,020	Tidak	Ya	153

Anda akan terus menerima 15% pulangan tunai selagi tiada tuntutan dibuat.

S: Bolehkah saya mendapat pelepasan cukai apabila menyertai Takaful myHealth Protector?

J: Ya, anda layak untuk pelepasan cukai, bergantung kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Apakah Yang Tidak Dilindungi?

- Penyakit sedia ada.
- Sebarang tuntutan disebabkan oleh Penyakit Tertentu yang berlaku semasa seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan yang berterusan.
- Sebarang pengkhatanan, pembedahan plastik/kosmetik dan rawatan yang berkaitan (termasuk tetapi tidak terhad kepada dwi-kelopak mata dan jerawat) atau komplikasi-komplikasinya kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan. Pemeriksaan mata, pembetulan cermin mata, kanta intraokular, pembaikan visual yang disebabkan oleh rabun termasuk tetapi tidak terhad kepada rabun dekat, rabun jauh atau keastigmaan (Keratotomi Radial); penggunaan atau pemerolehan perkakasan atau peranti luaran seperti anggota tiruan, penutup luaran, alat pendengaran (termasuk perkakasan koklea) dan sebarang peranti dalaman bagi perentak yang diimplan dan preskripsinya kecuali semasa penghospitalan.
- Keadaan pergigian termasuk rawatan pergigian atau Pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan akibat kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya daripada Tarikh KuatKuasa sehingga Tarikh Tamat.
- Jagaan jururawat peribadi atau panggilan ke rumah, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah/ ubat-ubatan yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Komplikasi Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan Human Immunodeficiency Virus (HIV), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang. Penyakit-penyakit seperti Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), demam denggi dan demam campak tidak dianggap sebagai penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- Sebarang rawatan, terapi atau operasi pembedahan untuk kongenital atau penyakit keturunan, kecacatan atau keilangan termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang penyakit atau kecacatan bayi yang baru lahir yang mengalami kontraksi sebelum atau semasa kelahiran atau dalam tempoh 14 hari pertama selepas bersalin, termasuk apa-apa yang menyebabkan komplikasi.
- Kehamilan atau melahirkan anak (termasuk sebarang ujian diagnosis), menggugurkan kandungan, keguguran, atau jagaan sebelum-natal atau selepas-natal, pembedahan, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia, ujian atau rawatan berkaitan ketidaksuburan atau pensterilan atau disfungsi seksual atau prosedur menukar jantina, termasuk apa-apa yang menyebabkan komplikasi.
- Sebarang jagaan atau rawatan perubatan yang diterima terutamanya untuk tujuan eksperimen atau siasatan, pemeriksaan fizikal atau perubatan am, tidak berkaitan dengan rawatan atau diagnosis Keilangan yang dilindungi atau sebarang rawatan yang Tidak Perlu Dari Segi Perubatan dan apa-apa rawatan pencegahan, ubat pencegahan, terapi sel stem atau pemeriksaan yang dijalankan oleh Pakar Perubatan, atau rawatan khusus untuk mengurangkan atau menaikkan berat badan atau pembedahan bariatric.
- Apa-apa rawatan sebagai pesakit luar kecuali yang disediakan di bawah Sijil ini.

Apakah Yang Tidak Dilindungi?

- Rawatan untuk kecederaan yang dialami semasa jenayah atau feloni, atau semasa di bawah pengaruh alkohol, narkotik, bahan pengubahan minda atau kecederaan yang disebabkan oleh diri sendiri ketika waras atau tidak waras.
- Peperangan atau sebarang tindakan peperangan, diisytiharkan atau tidak diisytiharkan, aktiviti jenayah atau pengganas, bergiat cergas dalam mana-mana angkatan bersenjata, penyertaan secara langsung dalam mogok, rusuhan dan kekecohan atau pemberontakan awam.
- Radiasi pengionan atau kontaminasi akibat radioaktif dari sebarang bahan api nuklear atau sisa nuklear dari proses pembakaran bahan api nuklear atau sebarang senjata api nuklear.
- Perbelanjaan yang ditanggung untuk menderma mana-mana organ tubuh badan oleh Orang Yang Dilindungi dan kos pemerolehan organ termasuk semua kos yang ditanggung oleh penderma ketika pemindahan organ dan komplikasinya.
- Penyiasatan dan rawatan gangguan apnea tidur dan dengkur, rawatan hiperhidrosis, terapi penggantian hormon termasuk tetapi tidak terhad kepada terapi hormon seksual dan terapi atau rawatan alternatif lain seperti tetapi tidak terhad kepada khidmat kiropratik, akupunktur, akutekanan, refleksologi, pengikatan tulang, rawatan pakar herba, terapi oksigen hiperbarik, urut atau terapi aroma.
- Jagaan atau rawatan yang pembayarannya tidak dikehendaki atau setakat yang dibayar oleh mana-mana Takaful/insurans lain atau jaminan pampasan yang melindungi Orang Yang Dilindungi dan Keilatan yang timbul daripada tugas dalam pekerjaan atau kerjaya yang dilindungi di bawah Kontrak Takaful/Insurans Pampasan Pekerja.
- Psikitik, gangguan mental atau saraf (termasuk apa-apa neurosis dan manifestasi fisiologi dan psikomatiknya).
- Kos/perbelanjaan bagi khidmat yang bersifat bukan perubatan, seperti televisyen, telefon, perkhidmatan jalur lebar, radio atau kemudahan yang serupa, kit/pek kemasukan dan barang bukan perubatan lain yang tidak layak.
- Penyakit atau Kecederaan akibat daripada apa-apa jenis perlumbaan (kecuali perlumbaan jalan kaki atau lumba lari), sukan berbahaya seperti tetapi tidak terhad kepada sukan terjun udara, luncur air, aktiviti di bawah permukaan air yang memerlukan radas pernafasan, sukan musim sejuk, sukan profesional dan aktiviti yang tidak dibenarkan.
- Penerbangan peribadi selain sebagai penumpang tambang berbayar dalam mana-mana penerbangan komersial berjadual untuk mengangkut penumpang melalui laluan yang ditetapkan.
- Mana-mana sebab lain yang dilarang oleh Syariah, tertakluk kepada budi bicara Badan Penasihat Syariah Kami.




Adalah dimaklumkan bahawa **Takaful myHealth Protector** tidak melindungi sebarang rawatan perubatan yang diterima oleh orang yang dilindungi di luar Malaysia, jika orang yang dilindungi itu menetap atau membuat perjalanan di luar Malaysia lebih daripada sembilan puluh (90) hari berturut-turut.

Nota Penting

- Ini adalah pelan takaful perubatan dan kesihatan dengan pembaharuan tahunan.
- Anda hendaklah memastikan bahawa pelan ini memenuhi keperluan anda sebaik-baiknya dan caruman yang dibayar di bawah pelan ini adalah jumlah yang mampu anda bayar.
- Jika anda tidak membayar caruman secara berkala dan tepat mengikut masa, perlindungan Takaful di bawah pelan ini mungkin akan terjejas.
- Sebarang semakan ke atas yuran dan caj atau caruman akan dilakukan semasa pembaharuan dan kami akan maklumkan kepada anda melalui notis 30 hari.
- Jika anda menukar pelan perubatan anda daripada satu syarikat ke syarikat lain atau jika anda menyerahkan pelan perubatan semasa anda dengan pelan perubatan yang lain dalam syarikat yang sama, anda mungkin dikehendaki menghantar permohonan di mana penerimaan permohonan tersebut akan tertakluk kepada terma dan syarat yang digunakan pada masa penukaran atau penggantian pelan perubatan tersebut dilakukan.
- Jika sijil ini dibatalkan dalam tempoh penelitian percuma selama 15 hari kalendar, kami akan mengembalikan kepada anda semua caruman yang telah dibayar selepas ditolak sebarang perbelanjaan yang ditanggung untuk pemeriksaan perubatan.
- Brosur ini menyediakan maklumat ringkas sahaja. Ianya bukanlah sebahagian daripada kontrak Takaful. Anda dinasihati agar merujuk kepada buku penerangan pengguna berhubung MHT, Helaian Penerangan Produk dan dokumen-dokumen sijil untuk penerangan lanjut dan terperinci berkenaan pelan tersebut (termasuk rider, jika dikepilkkan bersama). Takaful Malaysia menafikan sebarang liabiliti langsung sekiranya anda mengalami kerugian akibat bergantung cuma kepada maklumat yang dinyatakan di sini.
- Sekiranya terdapat kekeliruan antara versi Bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia dan Mandarin, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Kita Perlu Berbincang...

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (131646-K)
(Dahulu dikenali sebagai Syarikat Takaful Malaysia Berhad)
Tingkat 26, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur.
Peti Surat 11483, 50746 Kuala Lumpur.

 **1-300 88 252 385**

 **takaful-malaysia.com.my**

 **csu@takaful-malaysia.com.my**

Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad adalah sebuah syarikat berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.